

U 8003 DEB
MAHATHIR - BN

JOHOR BAHRU, 23 OGOS (BERNAMA) -- KONSEP BARISAN NASIONAL (BN) YANG MENGAMALKAN PRINSIP KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN ANTARA KAUM SERTA SIKAP BERTOLAK ANSUR DAN KESEDERHANAAN MERUPAKAN SISTEM YANG PALING BAIK DI DUNIA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SISTEM KERAJAAN CAMPURAN YANG MEMPUYAI KEANGGOTAAN 13 PARTI KOMPONEN DALAM BN MERUPAKAN SATU SIFAT UNIK BAGI NEGARA INI.

+KITA HARUS BERTERIMA KASIH KEPADA SISTEM KERAJAAN CAMPURAN YANG DIAMALKAN OLEH BN KERANA TELAH MENJAMIN KEMAJUAN DAN PEMBANGUNAN NEGARA INI SELAMA 30 TAHUN NEGARA MENCAPI KEMERDEKAAN,+ KATANYA.

BERUCAP PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT CINA DAN INDIA DI KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR, SAUJANA DI SINI PETANG INI, BELIAU BERKATA SISTEM KERAJAAN CAMPURAN BN ADALAH TERBAIK DAN DASAR KESEDERHANAANNYA HARUS DIKEKALKAN.

+INILAH SISTEM YANG PALING BAIK DI MALAYSIA, SELAGI KITA YAKIN PADA KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN SERTA TOLERANSI ANTARA KAUM KONSEP BN MERUPAKAN YANG TERBAIK BAGI NEGARA INI,+ KATANYA. -- LAGI.

2107MST 23 08 88

0929

U 8004 DEB
MAHATHIR - BN 2 JOHOR BAHRU

BELIAU MEMERANGKAN KERJAAN CAMPURAN BN BERJAYA DI NEGARA INI KERANA IA DITUBUHKAN SEBELUM BERLANGSUNGNYA PILIHAN RAYA UMUM, TIDAK SEPERTI BANYAK NEGARA YANG LAIN MENGAMALKAN SISTEM KERAJAAN CAMPURAN TETAPI TIDAK KEKAL.

INI KERANA KERAJAAN CAMPURAN ITU HANYA DITUBUHKAN SELEPAS SESUATU PILIHAN RAYA DIADAKAN APABILA SATU-SATU PARTI TIDAK MENDAPAT MAJORITI YANG BESAR DAN TERPAKSA MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN PARTI LAIN UNTUK MEMDIRIKAN SEBUAH KERAJAAN CAMPURAN.

+KITA TAHU ADA PERBEZAAN PENDAPAT MENGENAI SESUATU ISU, ADA JUGA ISU YANG BELUM SELESAI, TETAPI PADA UMUMNYA KITA TELAH DAPAT MENTABIRKAN NEGARA INI DENGAN BAIK DAN SEMPURNA,+ KATANYA.

+UNTUK MENGEKALKAN SISTEM BN, KITA MESTI BERTOLAK ANSUR DAN SESIAPA PUN TIDAK BOLEH BERSIKAP EKSTREM, KITA KENA TIMBANG BAGI SEMUA PIHAK DAN BERKOMPROMI,+ KATANYA.

+KITA MENGAMBIL PENDIRIAN SEDERHANA KERANA ITU ADALAH YANG PALING BAIK YANG BOLEH MENJAMIN KEMAJUAN, KEHARMONIAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT,+ TEGASNYA. -- BERNAMA.

2109MST 23 08 88